

UMS meterai LoI dengan Universiti Adamson Filipina

Rachel Basnayake DE 8.4.2015 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Pengurusan EcoCampus menandatangani Surat Hasrat (LoI) dengan Universiti Adamson Filipina pada Selasa.

Ia bertujuan untuk mempertingkatkan lagi kapasiti Pusat EcoCampus dalam menganjurkan persidangan serantau berkenaan kelestarian.

Kerjasama itu akan melibatkan pendidikan dan pertukaran kakitangan dan pelajar serta kerjasama dalam menganjurkan seminar, bengkel dan persidangan.

Majlis menandatangani itu diadakan selepas pembukaan Persidangan Serantau tahunan kedua mengenai Kelestarian Kampus 2015 dengan tema 'Pembinaan Kapasiti Meningkatkan Kelestarian Kampus'.

UMS diwakili oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwat Pelajar dan Alumni,

Profesor Madya Dr Ismail Ali sementara Dr Ericson C. Roque mewakili Universiti Adamson.

Sementara itu Pengarah EcoCampus, Profesor Madya Dr Justin Sentian menggesa peserta persidangan untuk memahami sepenuhnya aktiviti dan perbincangan yang diadakan semasa persidangan untuk menjana lebih banyak idea menarik dan inovatif untuk menyokong agenda kampus.

"Adalah harapan kami agar persidangan ini akan mengukuhkan lagi banyak usaha kita dalam meningkatkan kesedaran dan tindakan konkrit berkenaan kelestarian kampus dalam kalangan rangkaian kita untuk kedua-dua tempatan dan antarabangsa.

"Perkongsian idea dan amalan terbaik dari seluruh sektor adalah penting untuk pembangunan dalam bidang ini kerana kita mempunyai peranan untuk dimainkan dalam membina masa depan yang lestari."

Turut hadir ialah Pengerusi Persidangan Dr Hassanal Bahar Pengiran Bagul.